

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN KULIT DAN BULU UNTUK DIJADIKAN PAKAIAN ATAU BARANGAN

**Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-80
1-3 Februari 2008**

TUJUAN

Garis Panduan Penggunaan Kulit Dan Bulu Untuk Dijadikan Pakaian Atau Barangani ini disediakan untuk dijadikan panduan kepada pengusaha dalam industri produk berasaskan kulit dan bulu binatang untuk menghasilkan produk selaras dengan kehendak Islam. Garis Panduan ini juga akan dijadikan sebagai panduan bagi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam membuat pengesahan halal ke atas produk berasaskan kulit dan bulu binatang.

DEFINISI

Bagi tujuan garis panduan ini, definisi-definisi berikut adalah digunakan:

1. Halal

Perkara yang dibenarkan oleh hukum syarak dan tidak akan dikenakan azab bagi orang yang melakukannya.

2. Hukum Syarak

- i. Dari segi istilah, hukum syarak ialah perintah Allah yang berkait dengan perbuatan orang mukallaf secara tuntutan atau pilihan atau ketetapan (al wadh'u).
- ii. Berdasarkan kepada perundangan Malaysia, hukum syarak bermakna undang-undang Islam dalam mazhab Shafei atau undang-undang Islam dalam mana-mana satu mazhab sama ada Maliki, Hambali dan Hanafi yang telah dipersetujui oleh Yang di-Pertuan Agong dikuatkuasakan di Wilayah-wilayah Persekutuan atau oleh Raja atau Sultan bagi mana-mana negeri dikuatkuasakan dalam negeri itu atau fatwa yang disahkan oleh pihak yang berkuasa mengenai Agama Islam.

3. Barangan daripada Kulit dan Bulu

Semua barangan atau produk yang dihasilkan dari kulit atau bulu sama ada pakaian atau perhiasan. Tidak termasuk dalam kategori ini produk makanan.

4. Najis

- i. Haiwan atau benda yang dikategorikan sebagai najis atau terkena najis (*mutanajjis*) ialah:
 - a) haiwan atau benda yang dilarang oleh Islam memakannya seperti anjing dan babi dan terbitan dari keduanya, darah, bangkai dan arak.
 - b) sebarang cecair atau objek yang keluar dari rongga manusia seperti air kencing, uri, tahi, darah, muntah, nanah. Susu, sperma dan ovum manusia adalah tidak najis.
 - c) sebarang cecair atau objek yang keluar dari rongga haiwan seperti air kencing, uri, tahi, darah, muntah, nanah. Susu, sperma dan ovum haiwan adalah tidak najis, tetapi sperma dan ovum babi dan anjing adalah najis.
 - d) bangkai haiwan atau haiwan halal yang tidak disembelih mengikut hukum syarak.
 - e) bahan halal yang dicemari oleh bahan yang tidak halal.
 - f) bahan halal yang bersentuhan dengan bahan-bahan yang tidak halal.
- ii. Terdapat tiga (3) jenis najis iaitu:
 - a) *Mughallazah* adalah najis berat iaitu anjing dan babi (*khinzir*) termasuk sebarang cecair atau objek yang keluar daripada rongga anjing atau babi, keturunanya dan terbitan daripadanya.
 - b) *Mutawassitah* adalah najis pertengahan yang tidak termasuk dalam kategori najis nerat atau ringan seperti muntah, nanah, darah, arak, bangkai, cecair dan objek yang keluar daripada ronggaa dan sebagainya.
 - c) *Mukhaffafah* adalah najis ringan. Najis yang berada di dalam kategori ini ialah kencing bayi lelaki berusia dua (2) tahun dan ke bawah yang tidak mengambil apa-apa makanan lain kecuali susu ibunya sahaja.

KATEGORI BINATANG

Haiwan dikategorikan kepada dua (2) iaitu :

1. **Haiwan darat**

Semua haiwan darat adalah halal dimakan kecuali:

- i. babi (khinzir) dan anjing serta keturunanya;
- ii. haiwan yang mempunyai taring atau gading yang digunakan untuk membunuh mangsa seperti harimau, beruang, singa dan sebagainya.
- iii. burung berkuku pencakar dan berparuh tajam atau burung pemangsa seperti helang, gagak dan lain-lain.
- iv. haiwan perosak seperti tikus, lipan, kala jengkin dan sebagainya.
- v. haiwan yang tidak dibenarkan untuk dibunuh di dalam Islam seperti semut, lebah, belatuk dan nuri.
- vi. haiwan yang dianggap menjijikkan seperti kutu, lalat dan sebagainya.
- vii. keldai peliharaan
- viii. binatang *jallalah* iaitu binatang yang halal yang diberi makan dengan benda yang kotor (*jullah*).

2. **Haiwan Akuatik**

Haiwan akuatik ialah haiwan yang hidup di dalam air dan tidak boleh hidup di darat, seperti ikan. Semua haiwan akuatik adalah halal kecuali yang beracun, memabukkan atau memudaratkan kesihatan.

3. **Haiwan Dua Alam**

Haiwan dua alam yang hidup di darat dan di dalam air seperti penyu, buaya dan katak adalah tidak halal.

PEMBAHAGIAN KULIT BINATANG

- 1. Kulit dari binatang yang halal dimakan.**
 - i. Kulit binatang yang halal dimakan seperti unta, lembu, kerbau dan sebagainya yang diambil **semasa hidup** adalah bangkai.
 - ii. Kulit binatang yang halal dimakan seperti unta, lembu, kerbau dan sebagainya yang **mati bukan melalui sembelihan mengikut hukum syarak** adalah bangkai. Namun kulit ini boleh disucikan dan dimanfaatkan dengan melakukan **samak** keatasnya.
 - iii. Kulit binatang yang halal dimakan dan diambil setelah mati kerana sembelih mengikut hukum syarak adalah suci dan boleh dimanfaatkan **tanpa perlu menyamaknya**.
- 2. Kulit dari binatang yang haram dimakan.**
 - i. Kulit binatang yang haram dimakan seperti buaya, singa, monyet dan sebagainya adalah **bangkai**, samada ia diambil semasa ia hidup atau setelah mati (samada ia disembelih mengikut hukum syarak atau tidak).
 - ii. Namun kulit binatang yang tidak halal di makan **boleh disucikan dan boleh dimanfaatkan** setelah di samak, kecuali kulit babi, anjing dan keturunan dari keduanya.
- 3. Kulit dari binatang dalam kategori najis *mughallazah*.**

Kulit dari binatang dalam kategori najis *mughallazah* iaitu babi, anjing dan keturunan dari keduanya adalah **najis** walaupun disamak dan ia **tidak boleh dimanfaatkan**.

PEMBAHAGIAN BULU BINATANG

- 1. Bulu dari binatang yang halal dimakan.**
 - i. Bulu dari binatang yang halal dimakan seperti unta, lembu, kerbau dan sebagainya yang diambil semasa hidup adalah suci dan boleh dimanfaatkan.

- ii. Bulu dari binatang yang halal dimakan dan diambil setelah mati kerana sembelih mengikut hukum syarak adalah suci dan boleh dimanfaatkan.
 - iii. Bulu dari binatang yang halal dimakan yang diambil setelah mati tanpa sembelihan yang menepati hukum syarak adalah najis dan tidak boleh dimanfaatkan.
2. **Bulu dari binatang yang haram dimakan.**

Bulu dari binatang yang haram dimakan seperti singa, monyet dan sebagainya adalah tidak suci, walaupun disamak, samada ia diambil semasa ia hidup atau setelah mati. Samada ia disembelih mengikut hukum syarak atau tidak.

3. **Bulu dari binatang dalam kategori najis *mughallazah***

Bulu dari binatang dalam kategori najis *mughallazah* adalah tidak suci walaupun disamak dan ia tidak boleh dimanfaatkan

KESELAMATAN

Memastikan produk yang dihasilkan selamat diguna dan tidak memudaratkan tubuh badan manusia.

PERALATAN, PERKAKAS, MESIN DAN BAHAN BANTUAN PEMPROSESAN

Semua peralatan, perkakas, mesin dan bahan bantuan pemprosesan hendaklah tidak diperbuat dari bahan najis

PEMBUNGKUSAN

Pembungkus yang digunakan hendaklah tidak diperbuat dari najis atau bersentuhan dengan najis.

LAMPIRAN

KAEDAH SAMAK / DIBAGH KULIT BINATANG

1. Cara menyucikan kulit binatang yang najis ataupun bangkai yang selain kulit anjing dan babi adalah dengan menyamaknya, iaitu menghilangkan segala lendir, daging dan kelembapan yang melekat pada kulit.
2. Bahan yang digunakan hendaklah sesuatu yang kesat di lidah. Contoh bahan-bahan berkenaan ialah daun akasia (qaraz), manjakani (afs), kulit delima (qusyur ar-rumman), tawas (al-syabbu) bahan kimia dan seumpamanya.
3. Tidak semestinya bahan yang digunakan itu terdiri daripada bahan yang suci, malahan tidak menjadi halangan menurut hukum syarak jika bahan yang digunakan untuk menyamak itu terdiri dari bahan yang najis seperti tahi burung merpati.
4. Tidak sah menyamak dengan hanya menjemur kulit binatang itu di bawah cahaya matahari, melumurnya dengan tanah, membekukan dan memasingkannya.
5. Semua kotoran dan najis yang terlekat pada kulit mestilah dihilangkan. Sesuatu yang ada pada kulit bangkai seperti bulu tidak akan menjadi suci sekalipun disamak. Oleh itu bulu hendaklah dibuangkan daripada kulit tersebut.
6. Kulit yang telah disamak perlu dibasuhkan dengan air mutlak untuk menghilangkan najis.

PENYIMPANAN

Penyimpanan produk siap hendaklah diasingkan dari najis atau produk yang dihasilkan dari najis.

KEPERLUAN PERUNDANGAN

Produk tersebut di dalam aspek-aspek lain, hendaklah mematuhi undang-undang termasuk Sebarang peraturan yang berkenaan yang berkuatkuasa di Malaysia.

PEMATUHAN

Sesuatu produk dikira mematuhi keperluan Garis Panduan ini sekiranya ia mematuhi perkara 4 dan 5 Garis Panduan ini. Ia hendaklah disahkan melalui pemeriksaan dokumen dan premis/tapak sekiranya difikirkan perlu oleh pihak berkuasa bertauliah.

SIJIL HALAL

Sijil halal hendaklah dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan di Malaysia

TANDA PENSIJILAN HALAL

Setiap produk, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Hal Ehwal Islam Persekutuan, boleh ditanda dengan tanda pensijilan halal pihak berkuasa berkenaan dengan syarat produk tersebut memenuhi segala keperluan dalam Garis Panduan ini atau lain-lain keperluan yang ditetapkan.